

CARA PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN

1) Lesen Industri

- Mendapatkan Borang PLI1 dari Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.
- Mengisi Borang PLI1 dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki.
- Hantar Borang PLI1 yang telah siap diisi ke Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.

2) Lesen Am & Hiburan

- Mendapatkan Borang PLA1 dari Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.
- Mengisi Borang PLA1 dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki.
- Hantar Borang PLA1 yang telah siap diisi ke Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.

3) Lesen Hiburan

- Mendapatkan Borang Lesen Hiburan dari Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.
- Mengisi Borang Lesen Hiburan dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki.
- Hantar Borang Lesen Hiburan yang telah siap diisi ke Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.

4) Lesen Penjaja & Peniaga Kecil

- Mendapatkan Borang PLP1 dari Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.
- Mengisi Borang PLP1 dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki.
- Hantar Borang PLP1 yang telah siap diisi ke Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.

5) Lesen Veterinar

- Mendapatkan Borang PLV1 dari Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.
- Mengisi Borang PLV1 dan mengepilkan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki.
- Hantar Borang PLV1 yang telah siap diisi ke Kaunter MPSP dan pejabat cawangannya.

VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :

JABATAN PELESENAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 1, Jalan Perda Utama
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang
No. Tel: 04-549 7555

Alamat Cawangan Seberang Perai Utara

Jabatan Pelesenan,
Kompleks Makanan Kampung Jawa,
Jalan Bagan Luar,
12000 Butterworth. No. Tel: 04-310 5573

Alamat Cawangan Seberang Perai Selatan

Jabatan Pelesenan,
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Jawi,
Jalan Serindit,
14200 Sungai Jawi. No. Tel: 04-583 1700



MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI

PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-549 7555 Fax: 04-538 9700



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERTIFIED TO ISO 14001 : 2004
CERT. NO. AR 1856 CERT. NO. ER 0104

Tarikh dikemaskini: Julai 2012

www.mpsp.gov.my

PENGENALAN JABATAN

Jabatan Pelesenan merupakan jabatan yang bertanggungjawab memproses dan melesenkan semua jenis perniagaan yang dijalankan di daerah Seberang Perai.

Menjalankan perniagaan tanpa lesen atau tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan di sesuatu daerah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan pelbagai tindakan penguatkuasaan seperti denda, tindakan mahkamah atau tindakan rampasan.

Kategori dan Jenis Perniagaan Yang DileSENkan.

Secara amnya terdapat 5 jenis kategori perniagaan yang dileSENkan iaitu :

1) Perniagaan Industri

Semua aktiviti industri yang berasaskan kepada *pembuatan dan pengeluaran produk sahaja*.

2) Perniagaan Am

Semua jenis perniagaan yang menyediakan *perkhidmatan* am selain daripada perniagaan industri dan penjaja/peniaga kecil.

3) Aktiviti Hiburan

Semua aktiviti perniagaan berbentuk hiburan.

4) Penjaja dan Peniaga Kecil

Semua jenis *aktiviti penjajaan dan peniaga kecil* di pasar malam, penjaja bergerak, penjaja statik, permit, penjaja sementara kiosk hentian bas, petak pasar dan kompleks makanan MPSP.

5) Veterinar

Semua jenis aktiviti yang *membabitkan pemprosesan / penternakan haiwan*.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN PELESENAN

Dalam usaha melesenkan semua perniagaan di Seberang Perai, MPSP telah melaksanakan fungsi-fungsi berikut .

Fungsi Jabatan Pelesenan ini adalah :

- 1) Menerima, memeriksa, memproses dan mengawal pengeluaran semua lesen perniagaan dan permit di Seberang Perai.
- 2) Menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 3) Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap semua aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan semua aduan yang diterima serta mengemukakan laporan.
- 4) Menjalankan kerja-kerja mengumpul maklumat dan statistik berkaitan aktiviti perniagaan dan penjajaan untuk tujuan rekod.
- 5) Mengurus dan mengawal semua ruang niaga Majlis serta mengendalikan temuduga terbuka untuk pengisian kekosongan ruang niaga Majlis.

Jabatan Pelesenan turut bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berikut bagi memastikan fungsi jabatan dilaksanakan dengan baik adalah seperti :

- 1) Pemeriksaan lesen premis.
- 2) Pemeriksaan lesen penjaja.
- 3) Pemeriksaan ruang niaga MPSP.
- 4) Memproses permohonan lesen premis Am dan Industri.
- 5) Memproses permohonan lesen Penjaja.
- 6) Memproses permohonan lesen Veterinar.
- 7) Memproses permohonan kompleks tidak aktif MPSP.
- 8) Memproses permohonan permit gerai tepi jalan.
- 9) Memproses permohonan permit meletak kerusi meja.
- 10) Memproses menyediakan ulasan teknikal untuk Pelan Kebenaran Merancang (PKM).
- 11) Memproses permohonan menuntut cagaran permit hiburan sementara.
- 12) Memproses permohonan menuntut cagaran ruang niaga.
- 13) Memproses permohonan menuntut cagaran permit sepanduk.
- 14) Tindakan penguatkuasaan lesen premis, hiburan dan industri.
- 15) Tindakan penguatkuasaan penjaja.

PIAGAM PELANGGAN JABATAN PELESENAN MPSP

- 1) Mengeluarkan bil lesen sementara untuk premis perniagaan am dalam tempoh 1 hari selepas penerimaan borang permohonan lesen yang lengkap di kaunter berpusat.
- 2) Mengeluarkan bil lesen penjaja sementara dalam tempoh 1 hari selepas penerimaan borang permohonan lesen yang lengkap di kaunter berpusat.
- 3) Makluman keputusan temuduga melalui SMS diberi 1 hari selepas temuduga.

Jabatan Pelesenan turut menguatkuasakan undang-undang tertentu dalam memastikan semua fungsi dan aktiviti jabatan dilaksanakan dengan lancar. Antara undang-undang yang digunakan untuk tujuan tersebut adalah seperti :

- 1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- 2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
- 3) Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Pulau Pinang) 1998.
- 4) Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.
- 5) Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980.
- 6) Undang-Undang Kecil Penjaja 1991.
- 7) Undang-Undang Kecil Iklan MPSP 2001.
- 8) Undang-Undang Kecil Kedai Makanan dan Kedai Kopi MPSP 1974.
- 9) Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MPSP 1991.
- 10) Undang-Undang Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974.